

Ketiadaan Musa tak jejas kewibawaan kerajaan - PM

KUALA LUMPUR 11 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, ketiadaan Datuk Musa Hitam sebagai tmbalannya tidak akan menjejaskan kewibawaan pentadbiran kerajaan.

“Soal tergugatnya kewibawaan kerajaan tidak timbul kerana ia tidak bergantung kepada saya atau Datuk Musa tetapi bergantung kepada seluruh pentadbiran negara.

“Kepimpinan 2M juga bukanlah dicipta oleh kerajaan atau saya sendiri ataupun Datuk Musa tetapi dicipta oleh pihak akhbar,” ujar Perdana Menteri.

Menjawab soalan di sesi soal jawab majlis makan malam Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia di Hotel Pan Pacific malam tadi, beliau berkata tidak tepat masanya diumumkan siapa yang beliau fikir layak menggantikan Datuk Musa.

“Kalau saya jawab soalan itu tidak tepatlah masanya kerana saya mendahului sesuatu yang belum pasti. Da-

tuk Musa belum memberi keputusannya, nanti jawapan saya akan tinggalkan kesan yang buruk,” ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menjelaskan laporan Harian Kompas 9 Mac lalu yang menyebut Datuk Musa menganggap ‘masalah’ antara mereka berdua adalah besar. “Sebenarnya beliau tidak berkata demikian.”

“Setakat yang saya tahu Datuk Musa sendiri tidak berkata perletakan jawatannya sebagai besar tetapi mungkin dianggap oleh setengah - setengah akhbar sebagai besar,” katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan lagi bahawa beliau sebenarnya memberitahu wartawan Kompas bahawa banyak lagi perkara lain yang lebih menggugat perpaduan di dalam UMNO pernah berlaku seperti pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Apabila ditanya oleh seorang wartawan adakah perletakan jawatan Datuk Musa itu melibatkan parti, Datuk

Sri Dr. Mahathir menjawab “tidak dapat tidak melibatkan parti kerana jawatan itu adalah diwujudkan oleh parti dan Datuk Musa adalah dipilih oleh parti. Saya menyokong pemilihannya tetapi yang memilih beliau adalah anggota - anggota parti.

Seorang lagi wartawan bertanya sama ada perletakan jawatan Datuk Musa itu akan menjejaskan kredibiliti parti dari segi mewujudkan sebuah kerajaan bersih, cekap dan amanah?

Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab: Kredibiliti parti dan kerajaan tidak bergantung kepada saya dan Musa tetapi bergantung kepada seluruh rakyat dan negara.

“Seluruh rakyat mesti mempunyai sifat-sifat bersih, cekap dan amanah.

Beliau bertanya kiranya bersih, cekap dan amanah bergantung kepada saya dan Musa maka bererti kalau kami berdua mati bererti BCA juga hapus?

Olehnya ditegaskan sifat bersih ini wujud sebelum saya lahir lagi, tidaklah kerana saya berada di dunia ini maka barulah sifat ini wujud.

Beliau juga menafikan khabar-khabar bahawa Parlimen akan dibubarkan pada 17 Mac ini sebaik sahaja perletakan jawatan Datuk Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri berkuatkuasa.

Mengenai pengumuman tarikh pilihanraya, beliau berkata, ia adalah hak kerajaan untuk menentukannya dan kadang - kadang kerajaan sendiri tidak tahu kerana perkara itu ditentukan oleh keadaan.

Tetapi, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir pilihanraya akan diadakan sebelum tamatnya tempoh yang ditentukan untuk kerajaan memerintah (April 1987) oleh itu persiapan oleh parti - parti politik boleh diadakan sekarang.

Katanya, walaupun semua orang ingin tahu bila tarikh pilihanraya, malangnya pentadbiran kerajaan sekarang mengikut sistem British dan bukan sistem Amerika Syarikat yang dari awal-awal lagi menetapkan tarikh pilihanrayanya.

“Tetapi kalau rakyat jemu dengan kerajaan yang ada dan tidak boleh menunggu sehingga lima tahun, pilihanraya boleh dibuat pada bila-bila masa,” tambah Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan membenarkan rapat umum pada pilihanraya kali ini, beliau berkata, sehingga ini kerajaan belum dapat memastikannya dan kini masih mengkaji perkara itu.